

# Giat budayakan pembelajaran sepanjang hayat

## Usaha bagi maksimumkan potensi setiap lapisan rakyat Malaysia

**H**asrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 tidak akan tercapai jika kita gagal mengupayakan potensi setiap lapisan rakyat di negara. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, rakyat kita bukan saja akan dapat meningkatkan tahap sosioekonomi mereka tetapi akan dapat membantu negara bersaing dalam dunia global yang semakin kompetitif. Negara yang mempunyai pekerja berpendidikan tinggi akan mendahului negara yang tidak mempunyai pekerja sedemikian.

Justeru, kita perlu membangunkan potensi mereka dengan penguasaan ilmu dan kemahiran. Usaha melahirkan masyarakat berpendidikan dan berkemahiran tinggi ini boleh dilakukan melalui pembelajaran sepanjang hayat. Dalam hal ini, saya tertarik dengan perbincangan mengenai pembelajaran sepanjang hayat melalui program Wacana Akademia yang dianjurkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini yang membincangkan mengenai "Kepimpinan dan Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat".

Tiga panel yang terlibat adalah Presiden dan Naib Canselor, Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Prof Emeritus Tan Sri Anwar Ali; Felo Konsultan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Zita Mohd Fahmi dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Rose Alinda Alias.

### Maksimumkan potensi rakyat

Pembelajaran sepanjang hayat adalah tonggak ketiga dalam sistem pembangunan sumber manusia di negara ini, seiring dengan tonggak pertama iaitu Sistem Persekolahan dan tonggak kedua iaitu Pendidikan Tinggi. Negara maju amat memberi penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat seawal 16 tahun dalam usaha maksimumkan potensi rakyat mereka sebagai modal insan.

Negara kita sedang berusaha mengarusperdanakan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi)-PPPM PT yang dilancarkan Perdana Menteri April lalu, agenda pembelajaran sepanjang hayat menjadi antara 10 lonjakannya.

Pelbagai peluang untuk melanjutkan pengajian terbuka kepada semua segmen masyarakat telah disediakan. Dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti universiti, politeknik dan kolej komuniti menawarkan pembelajaran sepanjang hayat daripada peringkat tertinggi, iaitu Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sehinggalah sijil kemahiran.

Bagi memudahkan lagi proses dan menggalakkan orang awam untuk menyambung pengajian, pengalaman bekerja boleh diambil kira sebagai kelayakan. MQA telah memperkenalkan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu atau Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) diperkenalkan. Melalui sistem ini, mereka yang berkerjaya dianggap melalui satu proses peningkatan kompetensi yang sesetengahnya menyamai dengan kompetensi diperoleh oleh graduan pendidikan formal.

Sistem ini juga memberi ruang kompetensi tersebut diiktiraf oleh sistem pendidikan negara seterusnya membolehkan individu terbahagi mengikut pendidikan tinggi mendapatkan pemindahan kredit atau memajukan lagi kerjaya mereka.

### Tahap penyertaan rakyat meningkat

Usaha mempromosi dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat perlu digiatkan lagi meskipun tahap penyertaan rakyat dalam pembelajaran sepanjang hayat di negara ini semakin meningkat. Saya bersetuju dengan cabaran dibangkitkan panel dalam Wacana Akademia, iaitu sokongan dan peranan majikan amat penting dalam mengarusperdanakan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam hal ini, majikan perlu memberi penekanan kepada ilmu seterusnya merangsang pekerjaannya untuk menyambung pengajian agar tahap ilmu dan kemahiran mereka dapat dipertingkatkan. Kemudahan dan insentif yang menarik perlu diberikan kepada pekerja yang mahu menyambung pengajian.

Sejak lima tahun lalu, universiti awam memperkenalkan program PhD Industri yang membuka ruang kepada pekerja industri menyambung pengajian melalui penyelidikan yang mereka lakukan di industri. Saya percaya pelaksanaan PhD Industri ini turut memerlukan dukungan majikan kerana penyelidikan di industri amat bergantung kepada ekosistem kondusif seperti kemudahan makmal.

Terbaru, skop pembelajaran sepanjang hayat diperluaskan dengan pelancaran Massive Open Online Course (MOOC). Ia berfungsi sebagai platform perkongsian ilmu berinovasi secara talian yang diperluaskan kepada masyarakat, sekali gus menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Universiti Putra Malaysia (UPM) antara universiti yang giat mempromosikan MOOC. Setakat ini, UPM melalui inisiatif PutraMOOC menawarkan tiga kursus MOOC kepada komuniti global, iaitu kursus Pertanian dan Manusia, Kesenian Melayu, dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia.



DR MOHD FAUZI RAMLAN

**Penulis**

ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia